

LANUN RIMBA



LAPORAN Metro Ahad, semalam.

100 hektar balak kualiti tinggi kena gowal

Ditembak, diugut bunuh, diacu parang dan pergerakan keluarga serta rumah dilintip antara cabaran dihadapi penguat kuasa Jabatan Perhutanan Terengganu untuk mempertahankan khazanah negeri berkenaan. Cakup malarah untuk memantau 544,000 hektar hutan simpan dengan 150 penguat kuasa tetapi mereka tidak mahu lanun rimba terus rakus mengaut untung besar.

> 889

Rosli Zakaria

cnews@nstp.com.my

Kuala Terengganu

Kerugian hasil daripada pembalakan haram mengikut nilai tunggul yang ditebang melebihi RM2.8 juta, tetapi nilai sebenar kemusnahan kepada biodiversiti itu mencecah lebih RM130 juta membabitkan kawasan seluas 100 hektar.

Kos sebenar mungkin melebihi anggaran yang dibuat dalam satu kajian oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana selain daripada biodiversiti, nilai itu tidak termasuk kemusnahan flora dan fauna serta kestabilan alam sekitar.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid berkata, pembalakan haram menggunakan jentera berat untuk membuka laluan bagi mengeluarkan semua spesies balak yang ada nilai komersial tanpa mengikut sebarang garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan.

Menurutnya, nilai kemusnahan biodiversiti itu saja sudah cukup untuk memberi gambaran betapa tingginya kerugian yang perlu ditanggung kerajaan akibat daripada aktiviti pembalakan haram.

"Kegiatan yang dipandu oleh ketamakan ini mengganggu kestabilan tanah dan tiada kawalan untuk melindungi kawasan daripada kemusnahan flora dan fauna.

"Selain itu, lumpur akibat pendedahan kawasan hutan akan mengalir ke sungai dan boleh menyebabkan berlaku pendedahan sungai.

"Tanpa disedari sungai akan menjadi cetek dan apabila musim tengkujuh penduduk di persisiran sungai akan menerima akibat daripada kejadian banjir.

"Lebih menakutkan sekiranya sisa kayu akibat pembalakan haram menyekat aliran air di hulu sungai dan empangan kayu ini berpotensi pecah serta menyebabkan fenomena kepala air yang amat berbahaya," katanya.

Ahmad Fadzil berkata, JPNT kebiasaannya menanda 12 ba-

tang pokok untuk tebanan dalam kawasan satu hektar dan menetapkan laluan untuk mengelakkan kemusnahan biodiversiti serta tidak membenarkan tebanan berdekatan punca air atau sungai.

"Sindiket pembalakan haram tidak peduli kemusnahan kepada alam sekitar kerana keuntungan lebih utama daripada kos kepada alam sekitar atau bahaya kepada orang ramai.

"Mereka juga makin berani dan beroperasi secara *hit and run* untuk mengelak daripada dikesan unit penguat kuasa kami.

"Besut adalah daerah yang dikenal pasti masih aktif dengan kegiatan pembalakan haram yang didalangi sindiket sementara Dungun and Kemaman masih terkawal," katanya.

Ahmad Fadzil berkata, pihaknya berjaya menghidu modus operandi sindiket di Besut yang menggunakan sekurang-kurangnya empat kumpulan pembalakan yang akan berkumpul di beberapa lokasi sekitar kawasan hutan simpan.

"Apabila kehadiran unit penguat kuasa dihidu oleh satu kumpulan, kumpulan ini tidak akan menebang dan tugas itu akan dilakukan oleh kumpulan lain di kawasan lain yang tiada pemantauan pihak kami.

"Kami menyedari taktik ini dan akan memastikan operasi kami juga dipecahkan kepada beberapa kumpulan menggunakan pendekatan bersepadu bersama anggota tentera dan polis," katanya.

Katanya, unit penguat kuasa juga memantau kegiatan di 300 kilang papan untuk memastikan kayu yang diproses adalah daripada kawasan konsesi berlesen.

Ahmad Fadzil berkata, sindiket pembalakan haram membayar segala bentuk upah termasuk sewa lori dan kenderaan berat secara tunai kerana untung terhadap setiap satu tan balak adalah RM700 dan sekiranya dalam sehari 50 tan balak dapat dikeluarkan hasil bersih adalah RM35,000.

"Perlu diingatkan sindiket ini tidak perlu membayar cukai dan premium," katanya.

SUSULAN LANUN RIMBA

Besut daerah paling teruk kena jarah

PENGUMUMAN

BERKUATKUASA 6^{hb} Ogos 2018

JOHNSON CONTROLS HITACHI AIR CONDITIONING SALES MALAYSIA SDN BHD (1258224-H)

(dahulunya dikenali sebagai Johnson Controls Air Conditioning Malaysia Sdn Bhd) akan mengambil alih urusan kewajipan jualan, servis dan waranti untuk jenama berikut:

 **YORK**

INSTALL CONFIDENCE

HITACHI

Cooling & Heating

Demi memenuhi keperluan pasaran yang semakin berkembang, Johnson Controls sedang menyusun semula portfolio produknya dengan menggabungkan jangkauan global YORK[®] DX bersama kepakaran teknologi Penyejukan & Pemanasan Hitachi.

Selain daripada penyaman udara unit terpisah YORK[®] dan komersial ringan sedia ada, portfolio produk kami kini meliputi pelbagai sistem aliran bahan penyejuk, penyaman udara kediaman, pendingin berkecekapan tinggi, serta pemampat putar tepi depan dan peralatan rotary bertaraf dunia Hitachi.

Johnson Controls Hitachi Air Conditioning Sales Malaysia Sdn Bhd kini berada pada landasan yang kukuh untuk menyediakan rangkaian produk dan perkhidmatan pendingin udara paling meluas yang menyokong pasaran komersial dan kediaman.

Semua urusan pentadbiran pejabat dan operasi kami kekal seperti biasa. Saksikan operasi lengkap Johnson Controls dan sebagainya di http://www.johnsoncontrols.com/en_my/about-us/our-company

Johnson Controls

HITACHI
Air conditioning solutions